

BANTUAN INSENTIF PENGAJIAN LANJUTAN

OBJEKTIF

Bantuan ini untuk memberi galakan dan insentif kepada para pelajar Islam yang mendapat tawaran masuk ke Institut Pengajian Tinggi dan pusat pengajian dalam mahupun luar negara. Skop bantuan dalam atau luar negara adalah bagi tujuan pendaftaran di semester 1 tahun satu sahaja pada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PHD bagi membolehkan mereka mendaftarkan diri.

KEKERAPAN

Bantuan diberi sekali sahaja untuk setiap peringkat pengajian.

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Mendapat surat tawaran untuk melanjutkan pelajaran bagi Institut Pengajian Tinggi dan pusat pengajian dalam atau luar negara di peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PHD yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
3. Keutamaan adalah kepada pelajar yang belum mendaftarkan diri di Institut Pengajian Tinggi dan pusat pengajian. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh pendaftaran bagi mana-mana pelajar yang telah mendaftarkan diri di Institut Pengajian Tinggi dan pusat pengajian.
4. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa, separuh masa, Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), Kursus dalam cuti (KDC), Blended Learning dan yang berkaitan.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Surat tawaran.
3. Surat pengesahan daripada pihak Institut Pengajian Tinggi dan pusat pengajian yang menyatakan mod pengajian.
4. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.